

BACHOK, 18 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PETANG INI SISTEM PELAJARAN NEGARA INI BERMATLAMAT MEMBENTUK MASYARAKAT MALAYSIA YANG SERBA BERKEBOLEHAN. ATAS SEBAB INI, SISTEM PELAJARAN NEGARA INI TIDAK HARUS DITUDUH KONONNYA SEKULAR, KATANYA MERASMIKAN SEBUAH MASJID BARU DI BADAK, 3.2KM DARI SINI.

NEGARA TIDAK AKAN MENDAPAT KEBAIKAN SEPENUHNYA KALAU SISTEM PELAJARANNYA HANYA MENGELUARKAN PAKAR AGAMA SAHAJA TETAPI TIDAK TAHU MEMBUAT KERJA LAIN.

NEGARA MEMERLUKAN DOKTOR, JURUTERA, ARKITEK DAN LAIN-LAIN GOLONGAN PROFESIONAL. OLEH ITU ILMU DI BIDANG-BIDANG ITU YANG ADA PADA ORANG LAIN SAMA PENTINGNYA DIKETAHUI OLEH UMAT ISLAM SENDIRI.

TIDAK ADA SEBAB MENGAPA UMAT ISLAM TIDAK BOLEH BEKERJASAMA MALAHAN BERGURU SEKALIPUN DENGAN ORANG BUKAN ISLAM ASALKAN MEREKA TIDAK BERNIAT UNTUK MEMUSNAHKAN UMMAH DAN AGAMA SUCI ITU. --
BERSAMBUNG 2154/AI

B629:
PM-PELAJARAN 2 BACHOK

PERDANA MENTERI BERKATA ATAS KESEDARAN DEMIKIANLAH SISTEM PELAJARAN NEGARA INI DIGUBAL BEGITU RUPA SUPAYA BERBAGAI BIDANG ILMU DIPERKENALKAN KEPADA MURID SEJAK DARI SEKOLAH RENDAH LAGI.

INI SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT AKAN MEMBOLEHKAN PARA PELAJAR MENGUASAI SESUATU ALIRAN ILMU PILIHANNYA HINGGA KE PERINGKAT MENENGAH HINGGA MEMBAWA KE UNIVERSITI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA YANG ANIHNYA, PIHAK-PIHAK YANG MENUDUH KONONNYA SISTEM PELAJARAN NEGARA INI SEKULAR ADALAH GOLO-NGAN YANG SAMA MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA BELAJAR DI SEKOLAH DAN UNIVERSITI YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN.

SEBELUM ITU PERDANA MENTERI MERASMIKAN SEKOLAH KEBANGSAAN DI SUNGA I PERIA KIRA-KIRA 59 KM DARI KOTA BAHARU YANG MENELAN BELANJA HAMPIR \$300,000.

BERUCAP DI MAJLIS ITU, PERDANA MENTERI BERHARAP UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA YANG PERTAMA DI MALAYSIA AKAN DISUSULI DENGAN PENU-
BUHAN UNIVERSITI-UNIVERSITI YANG SERUPA DI LAIN-LAIN NEGARA ISLAM.
-- BERSAMBUNG 2158/AI

B630:
PM-PELAJARAN 3 BACHOK

PENUBUHAN UNIVERSITI ITU DI MERATA-RATA KELAK AKAN MEMBOLEHKAN SEMUA BIDANG ILMU YANG PERLU DIKUASAI OLEH PELAJAR-PELAJAR ISLAM DIADAKAN DI NEGARA SENDIRI.

KETIKA INI SETENGAH JUTA PELAJAR DARI DUNIA ISLAM TERPAKSA MENUNTUT ILMU-ILMU TERTENTU DARI NEGARA BARAT.

KEADAAN INI MENIMBULKAN MASALAH KERANA MEREKA TERDEDIAH KEPADA UNSUR-UNSUR TIDAK BAIK DARI BARAT YANG MUNGKIN SEBATI DENGAN MEREKA APABILA TAMAT PENGAJIAN DAN KEMBALI BERKHIDMAT DI NEGARA SENDIRI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERHARAP UNIVERSITI-UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA TERMASUK YANG SULUNG DIBINA DI MALAYSIA AKAN JUGA MEMBUKA PELUANG KEPADA PARA PELAJAR BUKAN ISLAM GUNA MENDEDAHKAN MEREKA PULA KEPADA NILAI-NILAI KEISLAMAN. -- BERNAMA 2201/AI